

# RM967.2 juta baik pulih kerosakan di lokasi bah

802 kawasan sudah dibersihkan, pembaikan kekal dijangka selesai Jun: PM

Oleh Saiful Haizan Hasam dan Zanariah Abd Mutalib  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memperuntukkan RM967.2 juta bagi melaksanakan inisiatif pemuliharaan kawasan bencana banjir sepanjang Monsun Timur Laut 2021/2022 di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia membolehkan 895 lokasi banjir, banjir kilat, cerun runtuh, jalan runtuh, jalan mendap dan jambatan runtuh atau rosak.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 802 lokasi sudah dibersihkan.

"Lokasi sudah selesai aktiviti pembersihan ialah Kedah (tiga daripada lapan lokasi) Perak (kesemua 17 lokasi), Selangor (134 daripada 162) dan Negeri Sembilan (45 daripada 62).

"Di Melaka (17 daripada 22),

Johor (semua enam lokasi) Pahang (533 daripada 566), Terengganu (13 daripada 14) dan Kelantan (34 daripada 38).

"Pembaikan kekal dijangka dilaksanakan bermula Januari 2022 dan selesai pada Jun 2022," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau sebelum itu memperkerusi Mesyuarat Khas Task Force Pengurusan Pasca Banjir Bencana Monsun Timur Laut 2021/2022 dan menerima taklimat status tindakan daripada enam kluster yang ditubuhkan bagi mengurus inisiatif Pasca Banjir Bencana Monsun Timur Laut 2021/2022.

Mesyuarat dihadiri Menteri Besar dan Ketua Menteri; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Setiausaha Kementerian; Setiausaha Kerajaan Negeri; Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Affendi Buang; Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah serta pengurusan tertinggi jabatan dan agensi berkaitan.

Mengenai hebahan malumat sejak bermula Monsun Timur Laut, Ismail Sabri, berkata tugas itu dilaksanakan secara aktif oleh KKMM.

Katanya, usaha hebahan maklumat itu dipergiatkan sejak jangkakan akan berlaku gelombang ke-



Ismail Sabri mempengerusikan Mesyuarat Khas Task Force Pengurusan Pasca Banjir Bencana Monsun Timur Laut 2021/2022 (MTL 2021/2022) di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

dua bagi memastikan rakyat dan negara bersiap sedia.

"Strategi komunikasi ini membolehkan promosi hebahan amaran dan situasi semasa, hebahan bantuan kerajaan, mengenai pasti isu berbangkit dan ditangani bersama pelbagai agensi serta usaha mengesan berita palsu dan segera menyiarkan penafian.

"Platform yang digunakan adalah media massa, media sosial, saluran Jabatan Penerangan, turun padang, advokasi, penerbitan dan usaha-usaha libat urus," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri, berkata penyelarasan usaha mobilisasi anggota Perkhidmatan Awam bagi membantu kerja-kerja pembersihan dan kemanusiaan membolehkan tenaga kerja hampir separuh daripada penjawat awam Persekutuan dan negeri.

Beliau turut mengingatkan penerima bantuan kerajaan menerusi pemindahan dana elektronik (EFT) supaya berhati-hati dengan pihak yang ingin mengambil keuntungan mudah dengan

cara menipu.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) mencadangkan supaya Sistem Amaran Siren Banjir Berpusat diwujudkan bagi memberi amaran kepada penduduk di kawasan terdedah banjir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata sistem amaran dikoordinasi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu mengambil contoh penggunaan siren yang dibunyikan sebagai amaran kepada penduduk Taman Sri Muda, Shah Alam, ketika banjir, baru-baru ini.

"Kerajaan juga akan menambah jumlah siren yang dilengkapi amaran suara di lokasi berisiko untuk mengarahkan penduduk berpindah.

"Kamera Litar Tertutup (CCTV) juga akan dipasang di stesen pemantauan aras air agar penduduk sedia berpindah sekiranya air berada pada paras bahaya," katanya dalam kenyataan, semalam.

Cadangan itu dikemukakan

pada Mesyuarat Khas Task Force Pengurusan Pasca Banjir Monsun Timur Laut 2021/2022, semalam.

Perdana Menteri seterusnya, berkata METMalaysia turut mencadangkan penggunaan Ramalan Cuaca Berangka (NWP) di samping pelaksanaan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) menerusi aktiviti latihan amal banjir dan maklumat yang dihebah oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM).

Beliau berkata, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) pula mencadangkan peningkatan tahap perlindungan atau kala ulangan reka bentuk infrastruktur saliran dan pantai daripada 100 tahun Average Recurrence Interval (ARI) kepada 200 tahun ARI.

"Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) pula akan dilaksanakan seurus tamat Monsun Timur Laut bagi membincangkan pelan jangka pendek dan jangka panjang pengurusan banjir negara," katanya.